



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/11/133 (HQ)

### PROJEK HIDROELEKTRIK NENGGIRI BANTU KERAJAAN TINGKAT KAPASITI R.E.

- Atasi Banjir, Pengairan Yang Lebih Baik, Sumber Air Bersih & Merangsang Aktiviti Ekonomi Setempat

Pembinaan empangan hidroelektrik di Nenggiri, Gua Musang yang dijangka beroperasi pada 2026, bukan sahaja menyokong aspirasi kerajaan ke arah meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh diperbaharui (RE), malah membawa pelbagai manfaat dengan menyelesaikan beberapa isu demi kesejahteraan rakyat Kelantan, kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

“Sebagaimana empangan-empangan lain milik TNB seperti di Skim Hidroelektrik Cameron Highlands, Sungai Perak dan Kenyir, empangan Nenggiri bakal memberi manfaat tebatan banjir dengan keupayaan menampung jumlah air hujan yang besar semasa musim tengkujuh. Air yang ditakung dalam tasik takungan utamanya akan dilepaskan semula secara terkawal ke dalam Sungai Nenggiri dan ini dapat membantu mengawal banjir di hilir empangan ini.

“Selain membantu mengurangkan banjir, ia juga berupaya membantu Kerajaan Negeri Kelantan mengatasi isu pembekalan air bersih serta pengairan untuk pertanian, dan membuka peluang pekerjaan ketika pembinaannya dan mewujudkan peluang ekonomi baru di tasik takungan utamanya.”

“Seperti dibuktikan di Tasik Banding di Perak (Empangan Temengor) dan Tasik Kenyir di Terengganu (Empangan Sultan Mahmud), penduduk setempat juga akan meraih manfaat ekonomi terutamanya dari sektor pelancongan, rekreasi, pertanian, perniagaan kecil serta pembangunan prasarana,” katanya pada majlis pertukaran dokumen perjanjian projek itu dan penyerahan cek pampasan di Pejabat Menteri Besar Kelantan di sini. Majlis pada 2 November itu disaksikan oleh YB Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato’ Seri Takiyuddin bin Hassan; YAB Menteri Besar Kelantan, Dato’ Bentara Kanan Ustaz Dato’ Haji Ahmad bin Yakob dan Datuk Ir. Baharin Din.

Projek empangan hidroelektrik Nenggiri bernilai RM5 bilion itu bakal menyalurkan 300 megawatt (MW) kepada Grid Nasional apabila siap nanti.

Ir. Baharin menjelaskan empangan hidroelektrik Nenggiri akan meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu (RE) TNB, sejajar menjadi penggerak utama peralihan industri tenaga negara. Apabila siap kelak, ia dapat mengukuhkan usaha TNB memastikan bekalan elektrik yang stabil dan berdaya harap untuk rakyat dan negara.

“Projek ini menyokong aspirasi tenaga lestari TNB menuju ke arah pelepasan sifar bersih menjelang 2050 yang dipacu oleh komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 35% serta pengurangan 50% kapasiti penjana arang batu menjelang 2035. Justeru, ia menyokong aspirasi kerajaan ke arah meningkatkan kapasiti penjana tenaga hijau negara kepada 40% pada tahun 2035.”

Untuk rekod, kapasiti penjana elektrik TNB di Semenanjung ketika ini merangkumi 18.0 peratus hidroelektrik (2,536 Megawatt (MW)), 0.6 peratus solar (80 MW), 48.2 peratus arang batu (6,800 MW) dan 33.3 peratus gas (4,702.43 MW).

Ir. Baharin juga menyifatkan projek ini sebagai satu amanah TNB kepada rakyat terutama peranan dan komitmen TNB terhadap alam sekitar. Lantaran itu, TNB telah melaksanakan kesemua kerja-kerja awalan dan kajian-kajian yang diperlukan untuk membangunkan projek ini. TNB juga telah memperolehi semua kelulusan yang diperlukan seperti Kajian Potensi Mineral, Kajian Penerimaan Awam, Kajian Impak Alam Sekeliling (EIA), Kajian Impak Sosial, Kajian Impak Warisan, dan sebagainya.

Komuniti Orang Asli yang terlibat secara langsung dengan projek ini, khususnya dari Pos Pulat, Pos Tohoi dan Kg. Wias akan dipindahkan ke penempatan baharu dengan infrastruktur dan keperluan asas yang lebih baik dan selesa. Mereka juga akan diberikan pakej rangsangan ekonomi untuk meningkatkan sosio-ekonomi mereka dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan, Pejabat Tanah dan Jajahan, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain, tambahnya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 7 November 2021, jam 10:00 pagi**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /  
Grace Tan 016-6626229/ Fazreen 019-3160401  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Menteri Tenaga & Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan (tengah) menyaksikan Menteri Besar Kelantan, Dato' Bentara Kanan, Dato' Ahmad Yakob (kiri) dan Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (kanan) menyerahkan dokumen perjanjian pada Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Untuk Projek Hidroelektrik Nenggiri Dan Penyerahan Cek Pampasan di Pejabat Menteri Besar Kelantan, Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan pada 2 November 2021.